

MSM MENCATAT RM30.14 JUTA KEUNTUNGAN BERSIH

KUALA LUMPUR, OGOS 24, 2018 – MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), pengeluar gula terkemuka negara dan anak syarikat FGV Holdings Berhad (dahulunya dikenali sebagai Felda Global Ventures Holdings Berhad), meneruskan prestasi cemerlang dengan mencatatkan keuntungan bersih RM30.14 juta bagi tempoh separuh tahun pertama berakhir pada 30 Jun 2018 berbanding kerugian bersih sebanyak RM56.07 juta pada tempoh yang sama tahun 2017.

Prestasi positif ini dibantu oleh penurunan kos gula mentah sebanyak 32.0 % berbanding tempoh separuh tahun pertama 2017 dan juga pemulihan Ringgit sebanyak 10.2 % (separuh tahun pertama 2018: RM3.93 \ separuh tahun pertama 2017: RM4.38) pada tahun ini. Kini, dengan lambakan gula di pasaran global harga purata gula mentah jatuh kepada separuh tahun pertama 2018: 15.3 c/lb \ (1H 2017: RM20.8 c/lb).

Pendapatan sesaham bagi separuh tahun pertama yang ditinjau mencecah 4.29 sen berbanding kerugian 7.98 sen sesaham pada separuh tahun pertama TK2017. Prestasi kewangan yang positif mengalakkan MSM mencapai sasaran keuntungan pada tahun ini, mengukuhkan pegangan pasaran serta mengukuhkan perniagaan mampan di masa hadapan.

Pada S2 2018, MSM mencatatkan hasil sebanyak RM573.22 juta, penurunan sebanyak 17.0 % berbanding suku yang sama tahun lepas sebanyak RM691.11 juta. Ini disebabkan oleh pengurangan 7.0 % dalam jualan pengeluaran keseluruhan dan pengurangan 13.0 % dalam harga jualan purata berikutan pengeluaran permit import gula (AP) lantas menggiatkan aktiviti penyeludupan gula dari negara-negara jiran yang membanjiri pasaran tempatan.

Keuntungan suku semasa meningkat kepada RM14.33 juta berbanding kerugian dalam tempoh yang sama sebanyak RM21.45 juta dibantu oleh kos gula mentah yang lebih rendah, pengukuhan Ringgit dan pengurusan kos yang berhemat. Walaupun keadaan Ringgit pada suku semasa tidak mengalakkan, namun kadar purata mata wang tempatan mengukuh sebanyak 9.1 % pada S2 2018 berbanding S2 2017. Seiring dengan pemulihan kadar tukaran wang asing, purata harga belian MSM di S2 2018 lebih rendah pada 3.9194 berbanding 4.3782 di S2 2017.

“Kami tetap seiring dengan pelan pertumbuhan kami bagi enam bulan pertama tahun 2018. Bisnes semasa menunjukkan hasil pemulihan dan peningkatan keuntungan. Namun begitu, kita perlu berjaga-jaga dengan faktor luaran yang mempengaruhi harga gula mentah, ketidakpastian pertukaran asing, lambakan gula mentah global dan krisis perdagangan AS-China,” kata Pengarah Eksekutif MSM, Dato' Khairil Anuar Aziz

Sorotan segmen operasi menunjukkan pengeluaran gula bertapis menurun sebanyak 5.8 % berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun lepas iaitu 251,998 MT dan selaras dengan jumlah jualan yang lebih rendah dalam segmen eksport. Sukuanku terkini, kos gula mentah berkurang sebanyak 31.8 % berbanding suku yang sama pada 2017, sejajar dengan harga gula mentah yang dibeli ketika harga lebih rendah.

Dato' Khairil berkata, “Keuntungan dari operasi meningkat secara mendadak berbanding dengan S2 2017 adalah tanda jelas pemulihan yang mantap dan terus kekal untuk mencapai sasaran pada baki tahun ini.”

Beliau menambah, “Walaupun masih terlalu awal untuk membuat sebarang kesimpulan, kenaikan kos operasi yang melibatkan tarif elektrik dan gas asli, harga minyak dan kadar gaji minimum akan memberi tekanan terhadap prospek pendapatan MSM. Sewajarnya ia adalah suatu hakikat yang berat terutamanya dengan pelaburan yang dibuat di kilang penapisan sedia ada atas usaha untuk memastikan bekalan gula sentiasa mencukupi sejak 50 tahun yang lalu.”

“Keadaan jualan pasaran domestik dijangka kekal berdaya saing dengan pertumbuhan terhadap dari tahun ke tahun. Manakala harga bagi pasaran eksport kekal mencabar akibat dari lambakan gula global, lantaran itu kami bertumpu pada pasaran yang memberi premium tertinggi. Berwaspada dengan keadaan, kami kekal optimis dengan prestasi hadapan dibantu oleh komitmen dan sokongan dari pihak lembaga pengarah, pengurusan dan kakitangan,” ujar Dato' Khairil.

Asas pasaran gula tidak berubah dengan anggaran harga gula mentah untuk dagangan terletak pada USD10 - USD13 c/lb (RM881 – 1,146 setiap MT) – kadar bagi separuh tahun kedua 2018 kecuali ada perubahan asas atau makro yang signifikan. Selepas dua tahun defisit, pasaran dijangka memasuki dua tahun lebihan ketara. Unjuran lebihan dari tahun 2017/2018 dianggarkan sebanyak 10.5 juta - 11.0 juta MT, manakala bagi 2018/2019, lebihan dianggarkan berjumlah 7.0 juta - 7.5 juta MT.



Untuk baki tahun 2018, ramalan pasaran USD/MYR akan ditutup pada RM4.06 di S3 dan RM4.03 di S4, tetapi tidak sebelum ujian rintangan utama pada RM 4.10. Melangkah ke hadapan, tahun-ke-tahun, MSM akan terus mengambil peluang ke atas kos purata yang lebih rendah bagi setiap MT, di mana NY#11 yang rendah di samping nilai Ringgit yang menggalakkan telah menyumbang kepada penurunan kos MYR bagi setiap MT sebanyak 28.7% berbanding peningkatan sebanyak 32.36% pada tahun 2017.

-TAMAT-

Maklumat MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM)

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) adalah pengeluar gula bertapis terkemuka di Malaysia yang terlibat dalam pengeluaran, pemasaran dan penjualan produk gula bertapis di bawah jenama. Syarikat ini menjalankan perniagaan terutamanya melalui dua anak syarikatnya, MSM Prai Berhad dan MSM Perlis Sdn Bhd yang telah ditubuhkan pada tahun 1959 dan 1971. Di samping itu, MSM juga mengendalikan syarikat logistik - MSM Logistics Sdn Bhd dan sebuah syarikat dagangan - MSM Trading International DMCC, yang berpangkalan di Dubai, Emiriah Arab Bersatu.

Pada masa ini, kapasiti pengeluaran tahunan MSM mencecah 1.25 juta tan gula bertapis. Pada tahun 2017, MSM mengeluarkan sebanyak 1,024,931 tan gula bertapis, di mana 139,540 tan adalah untuk pasaran eksport. Ketika ini, MSM menguasai 58% majoriti syer pasaran domestik.

Ditubuhkan pada 10 Mac 2011, MSM disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada 28 Jun 2011 dengan modal pasaran sebanyak RM2.88 bilion (setakat Disember 2017).

MSM juga menawarkan pelbagai rangkaian produk daripada gula bertapis putih pelbagai saiz sehinggalah ke gula perang halus. Kesemua produk ini telah dipasarkan dan dijual di dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama "Gula Prai". MSM juga turut menjual 'molasses' sejenis produk sampingan yang dihasilkan menerusi proses penapisan gula hingga ke produk penyulingan dan penghasilan etanol, makanan haiwan dan yis di kalangan lain-lain produknya. MSM menjual ke seluruh rangkaian pengguna di Malaysia dan juga negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung menerusi pedagang, pemborong dan pengedarnya. Para pelanggan termasuklah syarikat-syarikat besar yang terlibat di dalam industri makanan dan minuman, farmaseutikal, perhotelan, restoran, rangkaian kedai-kedai makanan serta pengguna isirumah.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.msmsugar.com

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Siti Noorbaya Mohd Yunus
+603 2181 5018 ext. 158
+6016 677 6118
noorbaya.my@msmsugar.com

Muhammad Aniz Mohd Azmi
+603 2181 5018 ext. 211
+6012 289 3294
aniz.ma@msmsugar.com